

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) data terkini penempatan semula mangsa banjir Kelantan 2014; dan
- (b) sama ada akan meneliti semula kes-kes yang layak tetapi belum disenaraikan sebagai penerima rumah kekal baru di Kelantan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Rumah Kekal Baharu (RKB) yang dimohon oleh mangsa banjir di negeri Kelantan ialah sebanyak 1,827 unit. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan dipertanggungjawabkan untuk membina 966 unit.

Sehingga 18 Mei 2016, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan proses penempatan semula mangsa banjir melalui program rumah berkelompok (*Integrated Resettlement Programme*) di sepuluh (10) lokasi yang telah dikenal pasti. Sepuluh (10) lokasi tersebut melibatkan enam (6) tapak berkelompok di Jajahan Kuala Krai dan empat (4) tapak berkelompok di Jajahan Gua Musang. Berikut adalah lokasi penempatan semula mangsa banjir 2014 di Kelantan:-

Jajahan Kuala Krai

| | | |
|------|-------------------|---------------------|
| i. | Kampung Telekong | 94 Unit RKB |
| ii. | Tapak Maju Ternak | 43 Unit RKB |
| iii. | Kampung Perial | 40 Unit RKB |
| iv. | Tapak Puspakom | 71 Unit RKB |
| v. | Kampung Kemubu | 76 Unit RKB |
| vi. | Tapak ILP | 36 Unit RKB |
| | Jumlah | <u>360 Unit RKB</u> |

Jajahan Gua Musang

| | | |
|------|-------------|--------------------|
| i. | Felda Aring | 13 Unit RKB |
| ii. | Bertam Baru | 29 Unit RKB |
| iii. | Lebir | 15 Unit RKB |
| iv. | Batu Papan | 40 Unit RKB |
| | Jumlah | <u>97 Unit RKB</u> |

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerjasama strategik antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut diadakan bagi membantu mempercepatkan proses pemilikan RKB kepada mangsa banjir yang layak. Mangsa

banjir tersebut akan ditawarkan Program Perumahan Rakyat (PPR) Gua Musang dengan kos sewa beli ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan meneliti dan mempertimbangkan semula kes-kes yang layak sekiranya kes tersebut di dapati benar-benar sah. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa negeri telah pun mengemukakan senarai mangsa banjir yang disahkan sebagai mangsa banjir *total loss* dan dikategorikan sebagai penerima RKB. Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, kelulusan tambahan bina baru RKB untuk mangsa banjir tahun 2014 telah diperolehi pada 29 Februari 2016.

Sekian. Terima kasih.